

2

Pengurusan Ekonomi Malaysia pada tahun 1995

Tinjauan Keseluruhan

Belanjawan 1995 yang dibentangkan dalam bulan Oktober tahun lalu bertujuan untuk mengekalkan pertumbuhan ekonomi yang mampan yang dicapai sejak tujuh tahun yang lalu dan, pada masa yang sama, mengurangkan kadar inflasi kepada tahap yang paling rendah. Belanjawan ini juga memberi tumpuan kepada memajukan gunatenaga mahir dan membina masyarakat berimbang dan maju. Ekonomi Malaysia terus mencapai pertumbuhan yang kukuh pada tahun 1995, dengan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dijangka meningkat sebanyak 9.6% berbanding dengan 9.2% pada tahun 1994. Dengan kadar pertumbuhan ini, ekonomi negara mencatat kadar pertumbuhan purata tahunan sebanyak 8.9% sejak tahun 1988. Pertumbuhan yang tinggi ini telah dicapai dengan kadar inflasi yang lebih rendah, iaitu sebanyak 3.4% berbanding dengan 3.7% pada tahun 1994, serta kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan yang terus kukuh. Pertumbuhan ekonomi pada tahap yang kukuh selama lapan tahun ini telah membolehkan rakyat Malaysia menikmati pertumbuhan pendapatan yang tinggi. Pendapatan per kapita penduduk telah meningkat kepada RM10,068 pada tahun 1995 (US\$4,027), lebih dua kali ganda daripada tahun 1987. Pendapatan per kapita yang meningkat serta peluang pekerjaan yang luas telah juga membantu mengurangkan tahap kemiskinan dan meningkatkan taraf hidup rakyat Malaysia.

Walaupun pertumbuhan yang kukuh selama lapan tahun berturut-turut telah menguntungkan rakyat Malaysia dengan meningkatkan kekayaan dan pendapatan, ia juga menimbulkan tekanan terhadap ekonomi Malaysia, dari segi tekanan inflasi, pasaran buruh yang terus ketat dan defisit akaun semasa imbalan pembayaran yang

semakin besar. Perkembangan-perkembangan ini telah menimbulkan kebimbangan bahawa ekonomi negara telah berkembang dengan terlalu pesat.

Peningkatan defisit akaun semasa adalah disebabkan oleh peningkatan import barangan modal dan barangan perantaraan berikutan pertumbuhan ekonomi yang kukuh, didorong oleh pelaburan. Walaupun nisbah pelaburan kepada KDNK adalah tinggi iaitu 42%, sumbangan import pelaburan dan barangan perantaraan kepada jumlah import adalah lebih tinggi, iaitu pada 86%. Peningkatan yang ketara dalam pelaburan serta pendapatan yang tinggi telah menyebabkan permintaan agregat meningkat dengan ketara. Peningkatan permintaan agregat juga telah menyebabkan kekangan kapasiti pengeluaran dan bekalan dalam beberapa sektor dalam ekonomi serta kekurangan sumber khususnya tenaga buruh dan ini menyebabkan berlaku tekanan ke atas paras harga dan upah. Dengan kadar penggunaan kapasiti pengeluaran sesetengah industri hampir mencapai kapasiti penuh, permintaan dalam negeri yang meningkat dan kebergantungan yang tinggi yang berterusan dalam pembentukan modal tempatan dan kegiatan perkilangan ke atas modal dan barang perantaraan yang diimport telah menyebabkan peningkatan jumlah import yang ketara. Keadaan ini telah mengakibatkan defisit perdagangan yang lebih tinggi, sungguhpun pertumbuhan eksport adalah kukuh. Defisit perdagangan yang meningkat serta kekurangan keupayaan sektor perkhidmatan dalam negeri untuk bersaing dengan berkesan dalam perdagangan antarabangsa dan menggantikan perkhidmatan yang diimport, disamping peningkatan aliran keluar pendapatan pelaburan kerana peningkatan pelaburan asing di negara ini telah menyebabkan defisit akaun semasa imbalan pembayaran menjadi lebih besar.

Sungguhpun defisit ini membimbangkan dan telah dan akan terus ditangani, ianya dapat dibiayai sepenuhnya melalui aliran masuk modal jangka panjang asing. Defisit akaun semasa yang besar menunjukkan kesan jangka-pendek dari segi peningkatan import barangan modal, yang diperlukan untuk meningkatkan kapasiti pengeluaran dan memperkukuhkan lagi ekonomi negara bagi jangka panjang. Satu perhitungan penting ialah cara defisit ini dibiayai. Disebabkan pengaliran masuk modal pelaburan langsung asing yang terus kukuh, defisit ini telah dibiayai dengan secukupnya hingga membolehkan imbalan asas imbalan pembayaran mencatat lebihan.

Sungguhpun defisit akaun semasa bersifat sementara dan terkawal, dan tahap inflasi adalah rendah, Kerajaan sentiasa mengawasi perkembangan ekonomi negara dan berhati-hati dalam menguruskan ekonomi bagi menjamin keseimbangan luaran dikekalkan dan tekanan inflasi dibendung. Ini memerlukan langkah-langkah yang sesuai masakini bagi mengelakkan daripada perlunya pihak Kerajaan mengenakan dasar yang lebih ketat kemudian kelak yang boleh menyebabkan kesan yang tidak diingini kepada imbalan luar dan pertumbuhan.

Walau bagaimanapun, mengekalkan pertumbuhan yang tinggi adalah penting dalam pengurusan ekonomi kerana hanya melalui pertumbuhan Malaysia akan dapat menangani secara berkesan agenda sosial dan pengagihan dan menuju ke arah pencapaian status negara membangun menjelang tahun 2020. Cabaran dalam mengurus ekonomi Malaysia pada tahun 1995 dan masa depan adalah untuk mengekalkan tahap pertumbuhan yang mampan tanpa melampaui keupayaan ekonomi untuk membiayai defisit akaun semasa dalam imbalan pembayaran dan tanpa menyebabkan sebarang tekanan inflasi ke atas ekonomi. Pada hakikatnya, ini memerlukan langkah-langkah untuk menguruskan tahap permintaan dalam negeri, mengurangkan kekangan penawaran, menggalakkan tabungan dan meningkatkan produktiviti serta daya saing ekonomi negara. Dalam masa yang sama, langkah-langkah bertujuan untuk menangani isu-isu sosial seperti mewujudkan masyarakat madani, saksama dan penyayang dan memupuk keperihatinan kepada alam sekitar dan ekologi, selaras dengan matlamat mewujudkan masyarakat seimbang dan progresif.

Mengekalkan Pertumbuhan Yang Mampan

Pencapaian tahap pertumbuhan ekonomi yang mampan adalah menjadi hasrat utama Kerajaan dalam pengurusan ekonomi makro. Ini adalah untuk menentukan supaya ekonomi terus berkembang dengan mampan tanpa menimbulkan sebarang tekanan ke atas imbalan pembayaran dan inflasi. Dasar ini menekankan usaha-usaha mengecilkan jurang di antara permintaan dalam negeri dan penawaran barangan dan perkhidmatan melalui pengurusan permintaan serta langkah-langkah bertujuan memperkembangkan kapasiti pengeluaran dan mengurangkan kekangan bekalan.

Pelaburan swasta, yang merangkumi pelaburan tempatan dan pelaburan asing, mencatatkan pertumbuhan yang kukuh terutamanya dalam sektor perkilangan. Pelaburan asing, pelaburan baru dan pelaburan semula, meningkat dengan kukuh sebanyak 26%, sementara pelaburan tempatan bertambah lebih dari 18%. Selaras dengan kenaikan ini, pengeluaran sektor perkilangan yang berpunca daripada industri berorientasikan eksport dan industri tempatan terus mengekalkan pertumbuhan yang kukuh pada tahun 1995. Walau bagaimanapun, pertumbuhan yang kukuh ini telah menyebabkan sesetengah industri beroperasi pada tahap kapasiti pengeluaran yang hampir penuh. Industri-industri ini termasuk industri-industri yang mengeluarkan barangan bukan logam, simen dan konkrit, logam yang dibentuk, kelengkapan pengangkutan dan keluaran berasaskan getah. Oleh yang demikian, beberapa langkah telah diambil untuk menggalakkan pelaburan baru dan pelaburan semula bagi mempertingkatkan kapasiti pengeluaran ekonomi negara. Langkah-langkah ini termasuk:

- pengurangan cukai korporat dari 32% pada tahun 1994 kepada 30% pada tahun 1995;
- pengecualian cukai pendapatan ke atas semua pendapatan yang diperolehi dari luar negeri yang dibawa balik ke Malaysia oleh syarikat Malaysia yang melabur di luar negara;
- kadar cukai pegangan ke atas pembayaran faedah yang dibuat kepada bukan pemastautin dikurangkan daripada 20% kepada 15% dan kadar cukai ke atas

bayaran teknikal dan bayaran royalti dikurangkan daripada 15% kepada 10% bagi perolehan teknologi canggih dan bayaran bagi khidmat nasihat teknikal;

- pengurangan/penghapusan duti import ke atas lebih 2,600 jenis barangan termasuk keluaran kain, bahan mentah dan komponen-komponen;
- penghapusan cukai jualan ke atas alat ganti dan komponen jentera; dan
- penghapusan duti import sebanyak 5-10% ke atas beberapa jentera berat yang digunakan oleh sektor pembinaan termasuk jentolak, penggelek jalan, pengukur dan pengikis. Di samping itu, duti import ke atas logam asas, terutamanya keluli, dihapuskan.

Sebagai tambahan kepada langkah-langkah ini, proses liberalisasi ke atas beberapa peraturan kawalan pertukaran asing telah diambil dengan mengurangkan peraturan yang dikenakan ke atas perniagaan dan memudahkan laluan kredit kepada pelabur-pelabur. Ini termasuk:

- pengeksporth dibenarkan mengekalkan sebahagian daripada hasil eksport dalam matawang asing tidak melebihi AS\$5 juta tanpa perlu menukarkan hasil eksport tersebut kepada ringgit.
- had bagi pinjaman matawang asing yang memerlukan kelulusan dinaikkan daripada RM2 juta kepada RM5 juta.
- jaminan dan jenis pertukaran asing bagi syarikat milik bukan pemastautin dikecualikan daripada pengiraan pinjaman yang tidak memerlukan kelulusan.
- nisbah hutang tempatan dan dana modal layak syarikat milik bukan pemastautin dinaikkan daripada 2:1 kepada 3:1; dan
- had bagi pinjaman ringgit kepada bukan pemastautin dinaikkan kepada RM200,000. Mereka juga boleh memperoleh satu

pinjaman perumahan sehingga 60% daripada harga pembelian atau kos pembinaan dan tertakluk kepada syarat (iaitu permit kerja yang sah) daripada institusi-institusi bank.

Di samping itu, bagi menggalakkan penubuhan Ibu Pejabat Operasi (OHQ) di Malaysia, insentif-insentif dipanjangkan kepada kumpulan kecil perkhidmatan terpilih seperti perkhidmatan laut, udara, perunding dan profesional, telekomunikasi, pelancongan dan perkhidmatan bank perdagangan dan pelaburan. Tambahan pula, syarikat-syarikat tempatan dibenarkan untuk menubuhkan Ibu Pejabat Operasi (OHQ) di Malaysia. Ibu pejabat tersebut dibenarkan untuk meminjam matawang asing dan ringgit (tidak melebihi RM10 juta) dengan bebas tanpa kelulusan daripada bank-bank perdagangan dan saudagar di Malaysia. Mereka juga bebas membuka akaun matawang asing dengan institusi-institusi kewangan di Malaysia dan melabur sekuriti asing serta memberi pinjaman kepada syarikat-syarikat berkaitan di luar Malaysia.

Ke arah Pertumbuhan Berlandaskan Produktiviti dan Kualiti

Dasar-dasar untuk mencapai pertumbuhan yang mampan menitikberatkan pertumbuhan berlandaskan peningkatan produktiviti dan kualiti. Dalam hal ini, langkah-langkah yang strategik sedang dilaksanakan untuk meningkatkan produktiviti tenaga buruh dan kadar pulangan ke atas modal serta produktiviti "faktor ketiga" melalui peningkatan keupayaan dalam bidang pengurusan serta keusahawanan. Peningkatan produktiviti tenaga buruh adalah penting untuk memastikan daya saing Malaysia sebagai pusat eksport dan pengeluaran. Kenaikan upah yang melebihi peningkatan produktiviti yang disebabkan oleh pasaran buruh yang ketat di beberapa firma telah menyebabkan unit kos tenaga buruh meningkat. Untuk meningkatkan produktiviti, sektor industri telah digalakkan untuk beralih kepada proses teknologi pengeluaran yang dapat menjimatkan tenaga serta pengeluaran barangan yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi. Untuk membolehkan sektor industri memperoleh teknologi baru dan teknologi yang terkini, Kerajaan

telah menggubal Rancangan Tindakan Kebangsaan bagi Pembangunan Teknologi Industri. Di bawah rancangan ini, insentif fiskal, termasuk program-program untuk mempertingkatkan teknologi untuk industri kecil dan sederhana disediakan untuk menggalakkan usaha-usaha Penyelidikan dan Pembangunan (P&P). Sektor industri mestilah mengambil kesempatan insentif-insentif ini, termasuk program mempertingkatkan teknologi dan kemudahan prasarana yang sedia ada seperti taman teknologi, bagi mempertingkatkan keupayaannya dalam P&P. Keupayaan ini akan membolehkan sektor perkilangan bersaing dari segi inovasi barangan dan proses, mengeluarkan alat ganti yang asli dan membuat peralatan perkilangan untuk dieksport serta membekalkan barangan perantaraan serta barangan modal untuk kegunaan tempatan.

Data yang ada menunjukkan terdapat peralihan yang ketara ke arah teknologi pengeluaran yang berintensif modal dalam sektor perindustrian, berikutan masalah kekurangan tenaga buruh, kenaikan upah dan perkembangan teknologi secara global dan wujudnya elaun pelaburan semula yang lebih menarik yang disediakan oleh Kerajaan. Nisbah pelaburan modal bagi setiap pekerja telah meningkat tiga kali ganda semenjak tahun 1988 hingga 1994. Namun begitu, peralihan kepada teknologi pengeluaran yang dapat menjimatkan penggunaan buruh dan pengeluaran barangan bernilai ditambah yang tinggi perlu dipercepatkan.

Bagi menyokong sektor swasta, Kerajaan telah memperkenalkan perubahan-perubahan pentadbiran bagi meningkatkan kualiti dan ketepatan masa perkhidmatannya bagi meningkatkan keupayaan jentera Kerajaan memberi khidmat berkualiti. Prosedur dan syarat-syarat perlesenan yang boleh mempengaruhi kecekapan sektor swasta telah dikaji semula bagi memastikan sektor swasta dapat menggunakan sumbernya dengan lebih cekap. Penggunaan peralatan otomasi pejabat dan pembangunan teknologi informasi telah diperluaskan, seperti Rangkaian Perkhidmatan Awam, *SIRIM LINK*, Pertukaran Data Elektronik dan *Civil Service Link*.

Satu usaha kearah peningkatan produktiviti dan kecekapan ekonomi adalah dalam usaha mewujudkan infrastruktur Teknologi Maklumat (IT) yang pada awalnya akan dibangunkan di Putrajaya dan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala

Lumpur (KLIA). Melalui pembangunan infrastruktur IT, Putrajaya dan KLIA akan dilengkapi dengan infrastruktur '*intelligent*' yang akan memaksimumkan produktiviti, kecekapan dan keberkesanan pekerja, di samping mengurangkan kos pentadbiran dan pengangkutan. Dengan kewujudan infrastruktur tersebut, pembuat keputusan boleh mendapat laluan kepada sumber maklumat dan kepakaran di peringkat global yang dapat membantu mereka melaksanakan keputusan yang strategik. Orang awam juga dapat berurus terus dengan agensi-agensi Kerajaan daripada pondok maklumat awam tanpa melalui berbagai peringkat sistem pentadbiran. Ini akan mengurangkan masa perjalanan dan kos. Dalam masa yang sama, laluan kepada Internet bagi pelanggan-pelanggan Jaring sedang diperbaiki, sementara Pertukaran Data Elektronik di Pelabuhan Klang akan beroperasi tidak lama lagi. Dengan adanya infrastruktur dan penggunaan IT, produktiviti dan daya saing negara akan dapat ditingkatkan.

Pembangunan Pasaran Modal

Jumlah dana yang diperlukan untuk membiayai pembentukan modal negara dan pertumbuhan ekonomi adalah besar. Oleh demikian, usaha perlu ditingkatkan dalam mobilisasi tabungan dan penyaluran semula dana secara berkesan untuk tujuan-tujuan pengeluaran. Permintaan kepada sistem kewangan dalam mobilisasi sumber dan perantaraan telah meningkat dengan cepat. Keperluan kewangan telah menjangkau sistem perbankan tradisional ke arah mekanisma yang baru dan menjimatkan kos dalam perolehan dana. Dalam hubungan ini, usaha-usaha yang berterusan telah diambil untuk membangunkan lagi pasaran modal, iaitu pasaran ekuiti dan Sekuriti Hutang Swasta (SHS). Inovasi keluaran, seperti derivatif kewangan, selain daripada penggunaan SHS dengan lebih luas, terus digalakkan supaya dapat menyediakan berbagai peluang pelaburan untuk pelabur.

Menyedari kepentingan pasaran modal sebagai pembekal dana untuk membiayai pembentukan modal, beberapa langkah baru telah dilaksanakan bertujuan untuk meningkatkan kecekapan dan inovasi pasaran modal bagi memastikan kewujudan asas pelabur tempatan yang kukuh, di samping menarik dan mengekalkan dana asing.

Ini adalah selaras dengan objektif untuk meluas dan mendalamkan lagi pasaran sekuriti tempatan supaya ianya dapat berkembang melebihi keperluan tempatan dan berkemampuan di peringkat serantau dalam pengurusan sumber kewangan secara global.

Beberapa langkah telah dilaksanakan untuk meningkatkan lagi kecekapan pasaran **Sekuriti Hutang Swasta**. Ini termasuk penubuhan agensi penarafan kedua, meliputi firma broker saham dan syarikat insurans, dan memendekkan masa memproses permohonan sekuriti hutang swasta daripada sembilan bulan kepada maksima empat bulan. Di samping itu, dari segi **pasaran saham**, perkara-perkara berikut telah dilaksanakan:

- pengenalan satu sistem komisen berperingkat berkuatkuasa mulai 1 Julai 1995 untuk mengurangkan kos urusiaga;
- Pengurangan bayaran duti stem dari 0.15% (RM1.50 bagi kontrak bernilai RM1,000) kepada 0.10% (RM1.00 bagi kontrak bernilai RM1,000) berkuatkuasa mulai 1 Januari 1995;
- Membenarkan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) melabur sehingga 15% daripada dananya di dalam pasaran saham;
- Membenarkan bank-bank komersial dan syarikat-syarikat kewangan mengeluarkan pinjaman dengan jaminan saham sehingga 15% daripada jumlah pinjaman, dengan serta merta;
- Mengecualikan syarat penyenaraian berkaitan rekod prestasi selama lima tahun bagi syarikat yang terlibat di dalam projek-projek prasarana utama;
- Mempercepatkan proses permohonan penyenaraian baru;
- Mempercepatkan pelaksanaan Sistem Depository Setempat (CDS), dengan tarikh jangka selesai pada akhir tahun 1996;
- Mempercepatkan kelulusan lesen bagi wakil jualan; dan
- Memperkenalkan keperluan-keperluan penyenaraian tambahan bagi syarikat-syarikat broker saham.

Tahun 1995 juga menyaksikan pengenalan produk-produk baru di pasaran modal. Satu perkembangan yang ketara ialah penyenaraian waran panggilan pada bulan Jun 1995. Disamping itu, Bursa Saham Kuala Lumpur (KLSE) juga memperkenalkan lot-lot perniagaan yang lebih kecil sebanyak 200 unit setiap satu, bertujuan membolehkan pelabur-pelabur kecil berupaya membeli saham-saham harga tinggi.

Pembangunan **industri unit amanah saham** terus dimajukan dengan kegiatan-kegiatan dana amanah diliberalisasikan. Langkah-langkah bagi meningkatkan pembangunan industri ini termasuklah:

- membenarkan 100% hakmilik asing bagi syarikat pengurus dana yang bersedia menjalankan kegiatan mereka di Malaysia. Walau bagaimanapun, equiti asing bagi syarikat-syarikat yang dibenarkan mendapatkan dana tempatan akan dikurangkan kepada 70%.
- mengenakan cukai pendapatan sebanyak 10% sahaja ke atas pendapatan yang diperolehi melalui semua aktiviti bukan milik Malaysia yang dijalankan oleh syarikat-syarikat pengurus dana;
- Membenarkan pencarum-pencarum KWSP mengeluarkan sehingga maksimum 20% daripada baki caruman melebihi RM50,000 dari akaun pencen mereka untuk dilaburkan ke dalam dana yang diuruskan oleh institusi pengurusan dana yang diluluskan; dan
- membenarkan pakar asing diambil bekerja di dalam industri pasaran modal tempatan dengan meliberalisasikan lagi pemberian permit kerja;

Bagi memastikan pasaran sekuriti terus dipercayai, adil dan telus, rangka perundangan terus dikaji dari masa ke semasa bagi memastikan ia memudahkan proses pembentukan modal dan memenuhi keperluan industri. Dalam tahun 1995, Suruhanjaya Sekuriti telah memperkenalkan beberapa garis panduan/pindaan kepada garis panduan yang sedia ada seperti berikut:-

- garis panduan mengenai pembentukan syarikat pengurusan dana asing di Malaysia;

- garis panduan penubuhan dan operasi unit tabung amanah oleh Syarikat-syarikat broker saham;
- garis panduan bagi penawaran sekuriti Syarikat-syarikat Prasarana kepada awam;
- pindaan kepada Panduan Amanah Harta; dan
- panduan baru mengenai pengambilalihan harta milik asing.

Membaiki Kedudukan Imbangan Pembayaran

Peningkatan defisit akaun semasa imbangan pembayaran pada tahun 1995 merupakan satu daripada isu-isu pengurusan ekonomi negara. Walau bagaimanapun, defisit ini sepatutnya dilihat sebagai timbal balik jangka pendek di antara kenaikan ketara pembentukan modal, yang menyebabkan kenaikan import barangan pelaburan, dan pengembangan keupayaan pengeluaran serta peningkatan potensi pengeluaran ekonomi bagi tempoh pertengahan dan jangka panjang. Pada tahun 1995, import barangan pelaburan dan perantaraan telah meningkat masing-masing sebanyak 27% dan 29%, menyumbang 86% daripada jumlah import berbanding dengan barangan penggunaan yang telah meningkat sebanyak 17%, iaitu 13.5% daripada jumlah import. Justeru itu, peningkatan defisit akaun semasa menggambarkan arus semasa dalam proses perindustrian dan pertumbuhan negara.

Pertimbangan yang lebih penting adalah cara bagaimana defisit ini dibiayai. Defisit akaun semasa negara telah dibiayai sebahagian besarnya dengan pelaburan jangka panjang langsung asing yang tinggi. Kemasukan pelaburan korporat asing kasar dianggarkan sebanyak RM20 bilion pada tahun 1995, iaitu peningkatan yang ketara melebihi RM16 bilion yang dicatatkan pada tahun lepas. Oleh demikian, akaun asas imbangan pembayaran, yang meliputi baki-baki dalam akaun semasa dan akaun modal jangka panjang, dianggarkan mencatat lebihan.

Walaupun begitu, Kerajaan mengambil perhatian penuh terhadap peningkatan defisit akaun semasa imbangan pembayaran dan usaha-usaha untuk menangani isu tersebut. Dalam hal ini, beberapa dasar terus dirancang dan dilaksanakan untuk

membendung defisit tersebut. Strategi bagi mengukuhkan akaun dagangan dalam imbangan pembayaran menumpukan kepada pengukuhan daya saing produk Malaysia di pasaran antarabangsa. Dalam konteks ini, pengeluar Malaysia digalakkan menjalankan P & P untuk menjadi pendahulu dalam inovasi produk dan kualiti serta mengamalkan teknologi pengeluaran mutakhir disamping lebih agresif dalam strategi pemasaran mereka dalam memajukan pasaran yang sedia ada dan menembusi pasaran baru, terutamanya dalam ekonomi yang baru muncul. Ini adalah kritikal memandangkan kemungkinan Kerajaan AS menarik balik GSP mulai tahun 1997 dan memandangkan ekonomi sejagat beralih ke arah sistem perdagangan yang lebih terbuka. Kerajaan akan terus memberi sokongan yang diperlukan, termasuk mengekalkan regim cukai yang rendah, untuk memastikan kos urusniaga di Malaysia berada di tahap yang rendah.

Sebagai sebahagian daripada strategi bagi mengurangkan kandungan import pengeluaran tempatan, usaha ke arah penggantian import adalah digalakkan, terutama bagi barangan perantaraan dan pelaburan ringan. Usaha ini sedang dilaksanakan melalui pembangunan industri kecil dan sederhana (IKS). Peningkatan yang kukuh dalam pelaburan menyediakan peluang yang luas bagi IKS dalam pengeluaran alat-alat jentera dan komponen. Sementara beberapa sokongan kewangan dan langkah-langkah fiskal telahpun disusun untuk meningkatkan peranan IKS dalam pembangunan industri, pembangunan Program Vendor (VDP) akan terus diberi penekanan. Di bawah VDP di Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, jumlah Syarikat Induk telah bertambah kepada 43, manakala jumlah vendor adalah 63, di mana 30% adalah di dalam industri plastik dan yang berkaitan dan 21% dalam industri yang berasaskan kayu. Program di bawah Kementerian Kewangan untuk memajukan masyarakat Perniagaan dan Industri Bumiputra dengan Perusahaan Awam Bukan Kewangan (PABK) sebagai syarikat induk dan IKS bumiputra telah berjaya menambahkan bilangan vendor kepada 48, dengan jumlah nilai kontrak sebanyak RM255 juta.

Dalam sektor perkhidmatan, walaupun kemajuan telah dicapai dalam meningkatkan terimaan negara dari khidmat dagang, akaun perkhidmatan dalam imbangan pembayaran terus mencatat defisit yang meningkat. Defisit yang berterusan dalam akaun

perkhidmatan sebahagiannya adalah disebabkan arah orientasi dalaman sektor perkhidmatan Malaysia, iaitu terlalu bergantung kepada pasaran dalam negeri. Sektor perkhidmatan perlu menjadi lebih maju, dinamik, berorientasikan luaran dan giat membangun keupayaannya bukan sahaja sebagai pemangkin utama dalam pertumbuhan dalam negeri tetapi juga memainkan peranan utama dalam khidmat dagang antarabangsa. Keperluan ini menjadi lebih penting memandangkan komitmen Malaysia di bawah Perjanjian Am dalam Perdagangan Perkhidmatan untuk meliberalisasikan sektor perkhidmatan. Oleh demikian, sektor perkhidmatan Malaysia perlu berdaya saing dalam perdagangan antarabangsa. Kerajaan adalah komited untuk membantu pembekal perkhidmatan negara membina keupayaan untuk bersaing di pasaran dalam negeri dan antarabangsa.

Dalam pembangunan sektor perkhidmatan, fokus utama adalah untuk meningkatkan keupayaan pembekal-pembekal perkhidmatan dalam negeri dalam mengurangkan import perkhidmatan serta mengeksport perkhidmatan. Sehubungan dengan itu, beberapa langkah telah dilaksanakan yang meliputi beberapa sektor kecil seperti perkapalan, pendidikan, pelancongan dan insurans. Selain daripada itu, beberapa langkah telah juga diambil untuk meningkat kecekapan dan kapasiti pelabuhan-pelabuhan dan pembangunan infrastruktur demi membaiki laluan kepada pelabuhan. Pertumbuhan kukuh dalam "import besar" oleh MAS dan MISC baru-baru ini juga akan menyumbang kepada pertambahan kapasiti bagi pengangkutan penumpang dan kargo perdagangan yang akan meningkat perolehan pertukaran asing yang lebih tinggi serta mengurangkan bayaran perkapalan untuk perdagangan barangan negara.

Selain daripada itu, beberapa langkah telah diambil oleh Jawatankuasa Kabinet Mengenai Khidmat Dagang, yang telah ditubuhkan dengan tujuan melaksanakan usaha-usaha bagi mengurangkan defisit akaun perkhidmatan. Perkembangan utama dalam menangani defisit perkhidmatan adalah termasuk:

- (i) **Tabung Perkapalan**, yang telah diumumkan semasa Belanjawan 1993, telah dinaikkan daripada RM800 juta kepada RM1.1 bilion untuk menyediakan pembiayaan bagi pembelian kapal-kapal untuk membesarkan perkapalan Malaysia serta limbungan kapal

dan kemudahan untuk membaiki kapal. Syarikat Global Maritime Venture Berhad (GMVB), yang telah ditubuhkan di bawah Tabung tersebut, memulakan operasi pada akhir tahun 1993. Ketika ini, syarikat ini mempunyai 11 buah anak syarikat kapal. GMVB juga melabur dalam dua buah syarikat bersekutu yang mempunyai 18 buah kapal pengangkut pukal kering berjumlah 474,373 dwt.

- (ii) Untuk menggalakkan perdagangan perkapalan dan perdagangan eksport semula, penubuhan Kawasan Perniagaan Bebas (FCZ) telah dilaksanakan di Pelabuhan Pulau Pinang dan Pelabuhan Barat di Pelabuhan Klang. Tujuan FCZ ialah untuk membenarkan kegiatan nilai ditambah dan perkapalan diuruskan dengan penglibatan minimum dari pihak kastam. Langkah ini adalah untuk menggalakkan keseluruhan penghantaran kargo, di rantau yang berdekatan dengan menggunakan pelabuhan-pelabuhan Malaysia. Tambahan pula, FCZ akan menggalakkan pembahagian bulk, penyatuan kargo dan aktiviti-aktiviti nilai ditambah yang lain seperti penglabelan semula, pembungkusan semula dan penggredan semula.
- (iii) Penggunaan **Pertukaran Data Elektronik (EDI)** dalam menguruskan urusanniaga akan diperkenalkan di pelabuhan dan lapangan terbang untuk memudahkan dan mempercepatkan prosedur-prosedur import-eksport bagi melancarkan pergerakan barangan. Kecekapan komunikasi dari segi kelancaran, ketepatan, yang akan menghasilkan rangkaian yang lebih berkesan dan mempertingkatkan operasi di pelabuhan. Buat permulaan, satu projek EDI akan dilaksanakan di Pelabuhan Klang yang akan memulakan operasinya pada 31 Oktober 1995. Pelaksanaan sistem EDI akan diperluaskan ke pelabuhan-pelabuhan dan lapangan terbang-lapangan terbang utama di seluruh negara. Dengan penggunaan EDI sepenuhnya, aliran maklumat dan dokumentasi di antara pengguna-pengguna pelabuhan dan lapangan terbang akan meningkat, manakala komunikasi akan bertambah baik dan penjimatan kos dapat dicapai.

- (iv) Bagi menggalakkan para pengeksport dan pengimport Malaysia menggunakan kapal-kapal yang dimiliki oleh firma Malaysia, potongan cukai dua kali ke atas pembayaran pengangkutan kapal Malaysia diberikan bermula pada bulan Jun 1995. Dengan langkah ini, lebih ramai pengeksport dan pengimport Malaysia akan digalakkan menggunakan kapal Malaysia dan justeru itu, menggalakkan pengembangan perkapalan negara.
- (v) Bagi menyediakan kemudahan dan perkhidmatan yang lebih baik di Pelabuhan Klang, satu projek yang menyediakan perkhidmatan bunker akan dilaksanakan di Pelabuhan Barat di Pelabuhan Klang untuk menyimpan dan membekalkan minyak. Pada permulaannya dijangkakan sekitar 500,000 tan minyak bunker setahun akan digunakan. Projek ini diramalkan mula beroperasi pada pertengahan tahun 1997.
- (vi) Bagi menggalakkan perkhidmatan premium penginsurancian semula dalam negara, penubuhan Konsortium Penginsurancian Semula tempatan telah ditubuhkan. Ini akan melengkapkan Skim Insurans Berisiko Besar dan Pengkhususan Risiko, yang ditubuhkan untuk mengekalkan premium insurans semula industri insurans dalam negeri dengan sepenuhnya dan meningkatkan kebolehan teknikal firma-firma insurans Malaysia dalam pengendalian perkhidmatan berisiko tinggi. Memandangkan aliran keluar premium penginsurancian semula sebanyak RM703 juta pada tahun 1994 (1990: RM220), penubuhan konsortium ini akan membolehkan lebih banyak premium penginsurancian semula dikekalkan dalam negara.
- (vii) Untuk melengkapkan Konsortium Penginsurancian Semula, syarikat-syarikat penginsurancian semula asing telah dibenarkan untuk beroperasi di Malaysia. Ini dapat mengekalkan premium penginsurancian semula di Malaysia, serta meningkatkan perniagaan berkaitan perkhidmatan "underwriting" insurans semula khususnya jika firma insurans semula asing yang beroperasi di rantau ini menggunakan perkhidmatan insurans semula di Malaysia. Ini turut membantu mengembangkan Kuala Lumpur sebagai pusat industri insurans di rantau ini, dan memudahkan pemindahan kemahiran serta pemindahan teknologi kepada penginsurancian tempatan. Kerajaan setakat ini telah meluluskan tiga syarikat penginsurancian semula asing beroperasi di Malaysia.
- (ix) Pengurangan cukai dua kali dibenarkan bagi premium insurans yang diambil daripada syarikat-syarikat insurans tempatan untuk menggalakkan penggunaan perkhidmatan insurans marin negara. Kesan penting daripada perkhidmatan ini ialah meningkatkan kemahiran dan kepakaran logistik perkhidmatan kargo di kalangan mereka yang terbabit di Malaysia.
- (x) Bagi menggalakkan syarikat-syarikat Malaysia yang mempunyai pelaburan di luar negeri untuk membawa balik keuntungan dan dividen ke negara, pendapatan yang dibawa balik dari luar negeri adalah dikecualikan sepenuhnya dari cukai pendapatan berkuatkuasa pada tahun taksiran 1995. Pelaburan luar negeri oleh firma-firma Malaysia ini akan memperkembangkan rangkaian dengan pembekal bahan mentah dan perkhidmatan tempatan. Ini akan juga mendorong eksport kepakaran teknikal dan perkhidmatan pengurusan khususnya di mana rakyat Malaysia mempunyai kepakaran seperti pengurusan industri berasaskan sumber utama contohnya minyak kelapa sawit, getah dan kayu-kayuan serta aktiviti yang berkaitan. Daripada pengalaman yang diperolehi berkaitan pelaburan dan pengurusan di luar negeri, ianya akan meningkatkan pembukaan pasaran eksport Malaysia di negara-negara asing.
- (xi) **Satu strategi yang komprehensif** bagi mengeksport perkhidmatan ke seluruh dunia telah dirangka, bagi menggubal satu pakej langkah-langkah untuk meningkatkan eksport perkhidmatan. Untuk tujuan ini, pejabat-pejabat dagangan luar negeri akan mengesan segala peluang eksport berkaitan sektor perkhidmatan. Di samping itu, satu Direktori Pengeksport Perkhidmatan akan

dikeluarkan, yang menyenaraikan pembekal perkhidmatan tempatan mengikut profesion dan pengalaman. Direktori ini dijangka menjadi alat penting dalam usaha promosi.

- (xii) Satu Pelan Induk untuk memajukan perkhidmatan perantara terpilih dalam ekonomi sedang disediakan. Kerajaan telah menjalankan satu kajian yang mendalam bagi penyediaan pelan tindakan operasi yang menekankan lima perkhidmatan perantara yang penting seperti perkhidmatan perniagaan dan profesional, komunikasi (khususnya telekomunikasi), kewangan, insurans dan pengangkutan. Pelan operasi ini akan menunjukkan fasa-fasa pembangunan perkhidmatan perantara untuk berdaya saing dan menjadi peneraju utama dalam sektor ekonomi. Kajian ini dijangka siap pada akhir tahun 1995.

Pengawalan Tekanan Inflasi

Kedudukan harga adalah terus stabil, sungguhpun ekonomi Malaysia telah mencatatkan kadar pertumbuhan ekonomi yang tinggi selama lapan tahun berturut-turut. Keupayaan ekonomi mengekalkan pertumbuhan yang tinggi dengan kestabilan harga merupakan satu kebanggaan pembangunan ekonomi Malaysia. Kestabilan harga adalah disebabkan oleh dasar fiskal berhemat dan dasar kewangan yang ketat yang telah berjaya menangani kelebihan permintaan. Keupayaan ekonomi mengekalkan pertumbuhan yang tinggi tanpa inflasi adalah juga disebabkan oleh ekonomi yang terbuka, di mana peningkatan permintaan dalam negeri telah dipenuhi oleh import. Harga import secara puratanya stabil, dengan Indeks Harga Pengeluar jatuh kepada 0.6% semasa lapan bulan pertama tahun 1995.

Kadar inflasi ialah sebanyak 3.4% dalam tempoh sembilan bulan pertama tahun 1995, iaitu lebih rendah daripada 3.7% pada tempoh yang sama tahun lalu. Pengurangan dan penghapusan tarif ke atas lebih daripada 3,700 barangan pada tiga Belanjawan tahun lalu dan pengenalan pengawalan pentadbiran telah berjaya menbendung kenaikan harga secara berterusan. Namun begitu, kekukuhan permintaan dalam negeri, kekangan kapasiti

pengeluaran yang dihadapi oleh sesetengah industri dan kekurangan buruh boleh meningkatkan tekanan terhadap harga, upah dan kos buruh seunit keluaran. Walaupun harga barangan import stabil dan telah membantu mengimbangkan tekanan harga dari sumber domestik, kemungkinan inflasi import yang lebih tinggi tidak boleh diketepikan sekiranya rakan perdagangan Malaysia yang utama mencatatkan pertumbuhan ekonomi yang lebih tinggi. Pada masa ini, peningkatan harga makanan dan perkhidmatan, terutamanya yang berkaitan dengan penyewaan, perbelanjaan untuk kesihatan dan rawatan perubatan terus kekal pada tahap yang tinggi secara relatifnya. Pada masa yang sama, penggunaan swasta untuk barang-barang yang tahan lama seperti kereta, peti sejuk dan motosikal telah meningkat dengan kadar dua digit dalam tujuh bulan pertama tahun ini. Dalam keadaan ini, dasar yang memberi tumpuan kepada inflasi perlu diteruskan bagi memastikan kuasabeli sebenar penduduk dan daya saing ekonomi tidak terjejas oleh kenaikan harga.

Bagi memastikan ekonomi terus mencatatkan pertumbuhan yang kukuh dengan harga yang stabil, dasar fiskal yang berhemat perlu diteruskan, dengan dilengkapi oleh dasar kewangan yang ketat serta langkah-langkah pentadbiran. Matlamat utama dasar fiskal dan kewangan ialah untuk menahan peningkatan yang ketara dalam perbelanjaan penggunaan, menggalakkan tabungan dan melegakan kekangan penawaran. Dalam pelaksanaan dasar kewangan, pertumbuhan penawaran wang akan dikekalkan pada tahap yang selaras dengan pertumbuhan KDNK nominal bagi memastikan tahap kecairan mencukupi untuk melicinkan kegiatan ekonomi tetapi tidak berlebihan sehingga boleh mencetuskan tekanan harga. Pengurusan kecairan akan diteruskan melalui pengeluaran instrumen-instrumen kewangan dan pemusatan dana yang berlebihan daripada Kerajaan dan KWSP.

Dalam membendung inflasi, Kerajaan akan meneruskan langkah-langkah pentadbiran untuk menggalakkan perniagaan yang adil dan untuk menanam sifat menabung di kalangan pengguna. Walau bagaimanapun, penelitian yang berterusan dan pengubahsuaian akan dilakukan untuk memastikan langkah-langkah ini tidak menyebabkan pengherotan harga dan pengagihan sumber yang tidak cekap yang boleh menyebabkan

kekangan penawaran. Kempen 'inflasi sifar' telah dilancarkan untuk meningkatkan kesedaran pengguna tentang bahaya inflasi, di samping menanamkan etika perniagaan di kalangan peniaga. Kempen ini adalah bertujuan merendahkan kadar inflasi seberapa boleh, khususnya bagi barangan dan perkhidmatan penting yang biasanya dibeli oleh golongan berpendapatan rendah. Dalam hal ini, Jabatan Perangkaan sedang menggubal Angka tunjuk Harga Pengguna mengikut kumpulan pendapatan, dengan tujuan mengeluarkan petunjuk perubahan harga selaras dengan kumpulan pendapatan tertentu.

Untuk mengurangkan tekanan harga ke atas makanan, Kerajaan terus mengambil langkah untuk mengurangkan kekangan penawaran. Dalam konteks ini, pengeluaran makanan terus diberi bantuan yang perlu dari segi mendapat tanah dan bantuan kewangan. Kerajaan negeri telah digalakkan untuk menyediakan tanah yang sesuai untuk pengeluaran makanan manakala syarat pinjaman dari "Tabung Makanan" sebanyak RM600 juta terus diperbaiki untuk memberi pembiayaan yang murah untuk menggalakkan pengeluaran makanan. Untuk memperbaiki kemudahan pengedaran bagi makanan yang cepat rosak, Kerajaan telah memperuntukkan RM3 juta untuk menyediakan kemudahan bilik sejuk di bandar-bandar utama.

Dalam tahun-tahun kebelakangan ini, harga hartanah telah meningkat. Dalam tempoh empat tahun yang lalu, harga rumah teres di Kuala Lumpur, Johor Bahru dan Pulau Pinang dalam pasaran sekunder telah meningkat sebanyak 24% hingga 44%. Pada tahun 1995, harga rumah teres dua tingkat di kawasan tertentu di Lembah Kelang telah meningkat sebanyak 50%. Peningkatan harga rumah adalah disebabkan oleh peningkatan permintaan tempatan yang kukuh, yang didorong oleh pendapatan boleh guna yang tinggi, dan juga peningkatan dalam pembelian oleh warga asing. Mengikut data dari Jawatankuasa Pelaburan Asing, jumlah bilangan kondominium, rumah teres dan banglo yang dibeli oleh rakyat asing meningkat sebanyak 36.8% kepada 5,503 unit pada tahun 1994 daripada 4,022 unit pada tahun 1993. Bagi tempoh tujuh bulan pertama 1995, sebanyak 2,644 unit harta kediaman telah dibeli oleh rakyat asing. Memandangkan arah aliran ini, Kerajaan telah

tidak membenarkan rakyat asing membeli rumah-rumah teres. Mereka hanya dibenarkan membeli kondominium dan banglo yang berharga RM250,000 seunit ke atas. Kerajaan juga akan terus mengawal perubahan harga bagi harta kediaman bertujuan untuk menghalang pembelian secara spekulatif terutamanya oleh rakyat asing. Pada masa yang sama, Kerajaan terus mempercepatkan program pembinaan rumah kos murah. Langkah-langkah ini adalah bagi memastikan rakyat Malaysia, terutamanya golongan berpendapatan rendah dan sederhana, mampu memiliki rumah.

Pembangunan Sumber Manusia

Pasaran buruh terus ketat dalam tahun 1995 dengan ekonomi beroperasi pada tahap gunatenaga penuh. Ini mengakibatkan perubahan pekerjaan kerana terdapat persaingan mendapatkan pekerja dan seterusnya membawa kepada tekanan upah. Walaupun Kerajaan telah membenarkan pengambilan buruh asing bagi menyelesaikan masalah kekurangan tenaga buruh, langkah ini tidak boleh diteruskan bagi jangka panjang memandangkan saiz tenaga buruh asing telah melebihi 1.2 juta orang berbanding dengan tenaga buruh negara sebanyak 8 juta orang. Kebergantungan berterusan kepada tenaga buruh asing akan menimbulkan masalah sosial dan politik. Ia juga akan memberi petanda yang kurang tepat kepada industri bahawa mereka boleh terus bergantung kepada buruh asing tanpa mengambil langkah-langkah yang strategik untuk beralih kepada teknologi pengeluaran penjimatan tenaga. Keadaan sedemikian boleh menyebabkan industri-industri Malaysia dan pekerja-pekerjanya terperangkap dalam sektor industri yang mempunyai daya pengeluaran yang rendah dan upah yang rendah. Dalam hal ini, kajian menunjukkan bahawa industri-industri yang telah beralih kepada proses pengeluaran yang berasaskan intensif modal telah dapat meningkatkan daya pengeluaran tenaga buruh. Dalam konteks ini, penyesuaian dasar telah dilaksanakan untuk menggalakkan sektor industri beralih kepada teknologi pengeluaran yang dapat menjimatkan tenaga kerja seperti melalui peruntukan elaun pelaburan semula. Walaupun terdapat petanda-petanda yang menunjukkan bahawa industri negara tersebut telah beralih

kepada teknologi ini sebagai langkah bagi menyesuaikan kepada keadaan pasaran tenaga buruh yang ketat, peralihan kepada teknologi pengeluaran penjimatan tenaga dan struktur pelaburan yang berasaskan intensif modal perlu dipercepatkan.

Bagi memudahkan sektor industri beralih kepada proses pengeluaran yang berteknologi tinggi, adalah penting bagi negara membangunkan tenaga buruh yang berupaya menyerap dan menyesuaikan proses dan teknologi pengeluaran baru. Ketika ekonomi menuju kepada kegiatan perkilangan yang berasaskan teknologi tinggi dan canggih, lebih ramai tenaga buruh yang terlatih, mahir dan mempunyai nilai industri berorientasikan teknikal, diperlukan untuk menyelenggara entiti pengeluaran yang berdaya saing dan produktif. Ini akan menentukan Malaysia terus berdaya saing di pasaran dunia. Dalam hal ini, usaha-usaha dalam pembangunan sumber manusia melalui pendidikan, latihan dan latihan-semula sedang dipergiatkan bukan sahaja untuk mewujudkan tenaga kerja negara yang mahir dalam bidang sains dan teknologi yang seterusnya dapat menyokong pembangunan teknologi, tetapi juga untuk mempertingkatkan kebolehan dan kecekapan negara dalam pengurusan dan keusahawanan. Oleh itu, selain dari peruntukan belanjawan Kerajaan Persekutuan, institusi sektor swasta juga digalakkan memainkan peranan yang lebih besar dalam memenuhi keperluan pendidikan dan latihan kemahiran masa hadapan. Memandangkan pembangunan sumber manusia melibatkan masa yang lama, Kerajaan telah melonggarkan pengambilan pekerja asing yang mahir dan profesional untuk bekerja di Malaysia dalam satu tempoh peralihan bagi mempercepatkan sektor industri beralih ke arah proses pengeluaran berteknologi tinggi. Disamping itu, kerajaan telah mengumumkan pelaksanaan Rancangan Bertindak Bersepadu untuk pembangunan sumber manusia dengan tujuan meningkatkan bilangan tenaga kerja mahir dan separuh mahir. Rancangan ini termasuklah:

- semua instituti latihan di bawah kelolaan jabatan dan agensi dikehendaki menggunakan kapasiti sepenuhnya dengan penekanan baru;
- kapasiti instituti latihan perindustrian akan diperbesar dan dipertingkatkan lagi termasuk pembinaan asrama tambahan;

- membangunkan sebuah politeknik di Sabah dan lima institut latihan perindustrian baru di Selangor, Negeri Sembilan, Kedah, Sarawak dan Sabah;
- menaikkan segera taraf sekolah vokasional yang sedia ada kepada sekolah teknikal untuk memastikan latihan yang berorientasikan kemahiran;
- mewujudkan program bagi mengumpul segera pelajar tercicir di desa dan kawasan pedalaman ke institusi latihan kemahiran khas;
- latihan akan mengabungkan teori dan amali dalam bidang industri pembuatan dan penggunaan teknologi terkini seperti yang dijalankan di Institut Latihan Jerman-Malaysia (GMI) dan Institut Perancis-Malaysia (FMI);
- syarikat-syarikat seperti Telekom, Petronas dan Tenaga Nasional akan memperluaskan program latihan dan pendidikan secara besar-besaran; dan
- memberikan pendedahan pelatih di industri swasta dan meneruskan rancangan latihan kemahiran di industri luar negeri termasuk Jepun.

Selanjutnya, bagi mendorong sektor swasta meningkatkan penglibatannya dalam program latihan teknikal dan vokasional, dan memperkenalkan otomasi bagi mengatasi masalah tenaga kerja yang meruncing, galakan cukai berikut telah disediakan:

- sumbangan wang, mesin dan peralatan kepada institut latihan teknikal dan vokasional Kerajaan dan separa Kerajaan dibenarkan dikira untuk tujuan potongan cukai pendapatan;
- syarikat swasta yang menubuhkan institut latihan teknikal dan vokasional layak mendapat galakan Elaun Cukai Pelaburan 100 peratus selama 10 tahun;
- institut latihan teknikal dan vokasional yang sedia wujud, yang membuat pelaburan tambahan bagi maksud pelaburan alat kelengkapan atau membesarkan keupayaannya juga layak mendapat galakan yang serupa;

- institut-institut latihan teknikal dan vokasional juga layak mendapat pengecualian duti import, cukai jualan dan duti eksais ke atas bahan pendidikan alat kelengkapan, mesin dan jentera yang digunakan;
- pekerja yang melanjutkan pelajaran secara sambilan dalam bidang sains, teknologi dan vokasional diberi pelepasan cukai ke atas yuran pelajaran sehingga RM2,000; dan
- duti setem ke atas suratcara pinjaman pelajaran dihapus dan diganti dengan kadar tetap RM6 sahaja.

Mengekalkan Fiskal Berhemat

Kerajaan meneruskan dasar fiskal berhemat dan ketat dalam operasi belanjawannya untuk memastikan pencapaian pertumbuhan yang kukuh dan mampan dengan kestabilan harga melalui belanjawan berimbang. Dalam konteks ini, langkah-langkah fiskal bertujuan menyepadukan dan membendung perbelanjaan yang tidak produktif serta menyelaraskan saiz perkhidmatan awam terus dilaksanakan. Langkah-langkah ini melengkapkan dasar kewangan yang ketat dalam menyekat tekanan permintaan yang berlebihan dan memastikan kestabilan harga. Dari segi percukaian, Kerajaan meneruskan program pembaharuan cukai bertujuan untuk meningkatkan kecekapan, ketelusan dan daya saing bagi meningkatkan pelaburan di samping memperkukuhkan hasil. Langkah-langkah ini telah membolehkan kedudukan keseluruhan kewangan Kerajaan Persekutuan menjadi lebih kukuh dan seterusnya mencatatkan lebih untuk tiga tahun berturut-turut semenjak tahun 1993.

Dari segi pengurusan perbelanjaan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan terus mengekalkan kawalan belanjawan yang ketat ke atas perbelanjaan mengurus, kecuali bagi perkhidmatan penting seperti kesihatan dan pelajaran. Ini dilaksanakan melalui menyelaraskan saiz sektor awam serta menswastakan beberapa agensi dan projek Kerajaan. Selain daripada itu, hutang luar negeri terus diuruskan secara berhemat, di mana objektif jangka panjang ialah untuk mengurangkan jumlah hutang luar dengan mengawal pinjaman luar negeri serta membuat bayaran balik awal. Dalam

memperuntukan perbelanjaan pembangunan, keutamaan telah diberikan kepada sektor ekonomi yang strategik yang boleh menyumbangkan pertumbuhan serta projek-projek dan program-program untuk memenuhi objektif agenda sosial, khususnya membasmi kemiskinan dan mempertingkatkan taraf hidup golongan berpendapatan rendah. Dalam konteks ini, sebahagian besar perbelanjaan pembangunan adalah untuk pembangunan infrastruktur, sumber manusia dan sains dan teknologi negara, sebagai usaha untuk meningkatkan kapasiti pengeluaran ekonomi. Peruntukan untuk pertanian dan program pembangunan luar bandar seperti pembinaan jalan kampung juga telah diberi keutamaan selaras dengan usaha Kerajaan untuk membasmi kemiskinan dan meningkatkan pendapatan, kebajikan dan taraf hidup masyarakat luar bandar.

Berkaitan dasar cukai pula, tumpuannya ialah untuk megalakkan perkembangan asas ekonomi negara, meningkatkan daya saing, membaiki iklim pelaburan serta megalakkan tabungan. Membendung inflasi dan memperbaiki imbalan pembayaran adalah juga merupakan tumpuan dasar cukai. Selaras dengan usaha untuk mewujudkan masyarakat penyayang, kesan cukai ke atas golongan miskin dan kurang bernasib baik juga telah dikurangkan. Untuk mencerminkan iltizam Malaysia ke arah meliberalisasikan perdagangan antarabangsa, dasar cukai Malaysia turut mempunyai orientasi luaran, yang ternyata dengan pengurangan dan penghapusan duti import. Langkah-langkah penting yang dilaksanakan adalah termasuk pengurangan cukai pendapatan individu dan korporat, insentif untuk pelaburan di luar negeri, pengurangan dan penghapusan tarif lebih daripada 2,600 barangan dan merendahkan cukai jualan dan duti eksais untuk beberapa barangan.

Menangani Agenda Sosial

Pertumbuhan ekonomi bukanlah menjadi matlamat akhir negara. Ianya hendaklah diseimbangkan dengan kemajuan dan pembangunan sosial. Walau bagaimanapun, pertumbuhan ekonomi adalah menjadi asas bagi pelaksanaan program sosial, khususnya dari segi pengagihan kekayaan. Pertumbuhan ekonomi yang tinggi, yang dikekalkan selama lapan tahun telah membolehkan Malaysia menangani agenda sosial dan pengagihan kekayaan dengan lebih berkesan.

Dengan ekonomi yang terus mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan daripada peningkatan tenaga kerja, rakyat Malaysia mudah mendapat pekerjaan ketika ini. Peningkatan pendapatan per kapita dan kewujudan peluang pekerjaan yang banyak telah membolehkan tahap kemiskinan dikurangkan dengan ketara. Pada masa yang sama, kemudahan pelajaran dan kesihatan untuk rakyat telah bertambah. Dengan demikian, kebolehan membaca di kalangan rakyat yang berumur lebih daripada lima tahun telah meningkat daripada 75% pada tahun 1980 kepada melebihi 80% ketika ini, manakala jangka hayat penduduk telah bertambah baik daripada 67.7 tahun bagi lelaki dan 72.4 tahun bagi wanita pada tahun 1985 kepada 69.2 tahun dan 73.8 tahun masing-masing pada tahun 1993.

Usaha-usaha pembangunan sosial telah dilaksanakan dalam pelbagai bidang. Pembangunan ini merangkumi pembangunan masyarakat yang progresif, seimbang dan bertamadun yang mana ciri-ciri etika, kejujuran dan perolehan ilmu akan dipupuk dan digalakkan. Pengwujudan masyarakat penyayang hendaklah terus menjadi sebahagian daripada agenda sosial yang penting. Dalam konteks ini, sektor swasta haruslah mengimbangi matlamat keuntungan dan pertumbuhannya dengan tanggungjawab korporat. Sektor swasta harus menunjukkan etika perniagaan pada paras yang tertinggi dengan memberi keutamaan kepada kepentingan masyarakat, pelanggan dan pekerja. Pada hakikatnya, sektor swasta perlu sensitif kepada isu-isu sosial seperti memberi perhatian kepada alam sekitar, kesihatan, keselamatan dan kebajikan rakyat jelata. Langkah-langkah yang diambil oleh sektor korporat dalam mengubahsuai proses pengeluaran mereka dengan mengambilkira isu-isu sosial ini akan membawa manfaat kepada sektor korporat dalam jangka masa panjang. Kerajaan akan terus berusaha

mempertingkatkan dan menggalakkan tanggungjawab sosial ini bagi menyokong pembangunan masyarakat penyayang.

Penutup

Asas-asas ekonomi Malaysia terus kukuh, dengan pertumbuhan tinggi tercapai dalam keadaan inflasi yang rendah. Peningkatan defisit akaun semasa imbalan pembayaran dalam tahun 1995 merupakan suatu kesan jangka pendek berikutan pembentukan modal yang kukuh yang didorong oleh keyakinan pelabur dan usaha-usaha negara dalam mengukuhkan struktur dan kemantapan ekonomi jangka panjang. Namun demikian, satu dasar ekonomi makro bagi mengelakkan risiko adalah perlu pada masa ini untuk mengurangkakan kesan jangka pendek ini dan untuk memperkukuhkan lagi landasan ekonomi ke arah pertumbuhan tanpa inflasi dalam jangkamasa pertengahan.

Dengan kebolehan rakyat, kepakaran perniagaan sektor swasta dan dasar-dasar Kerajaan yang akan diumumkan di dalam Belanjawan 1996 dan Rancangan Malaysia Ketujuh (1996-2000), Malaysia akan mencapai pertumbuhan ekonomi mampan yang melebihi 8% tanpa inflasi bagi tahun kesembilan berturut-turut dalam tahun 1996. Keyakinan ini akan diperkukuhkan oleh pertumbuhan mampan perdagangan dunia yang boleh membawa keuntungan kepada Malaysia disebabkan kapasiti eksport yang meningkat berikutan pembentukan modal dalam tahun-tahun kebelakangan ini. Ini akan memperbaiki imbalan pembayaran dan kedudukan sumber pada tahun 1996 dengan pertumbuhan import yang bertambah perlahan dan, dalam masa yang sama, kadar tabungan yang meningkat.